

Kedudukan dan Keberadaan Masyarakat Orang Asli Bajau Laut dalam Sejarah Pendudukan Jepun di Sabah, 1942-45

Satu Tinjauan Awal

Hafijah Sidru

Azmi Arifin

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Pendudukan Jepun di Sabah telah bermula sejak 1942 dan berlangsung sehingga 1945 yang menyaksikan kekalahan ke atas Jepun dalam perang pasifik. Pendudukan Jepun di Sabah sememangnya banyak meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakatnya. Pelbagai peristiwa yang berlaku rentetan dari peristiwa tersebut hingga menjadikan Pendudukan Jepun merupakan topik yang tidak habis untuk dibincang. Oleh kerana Sabah memiliki 30 etnik dan sub-etnik yang berbeza, maka banyak kajian yang ditulis memaparkan peranan, kedudukan serta peristiwa yang berkaitan dengan zaman pendudukan Jepun. Masyarakat orang asli tidak asing lagi di Sabah dan kedudukan mereka diakui sejak dahulu lagi. Akan tetapi bukan semua masyarakat orang asli dapat didedahkan akan sejarah mereka. Maka dari itu, timbul persoalan kemana mereka ini semasa pendudukan Jepun di Sabah. Apa yang mereka lakukan? Adakah mereka ini melakukan penentangan terhadap pihak Jepun? Penentangan yang bagaimana? Kedudukan mereka pada ketika itu seperti tidak diketahui dan tidak dibincangkan dalam mana-mana kajian. Apa yang pasti, kedudukan masyarakat orang asli terutamanya sub-etnik Bajau Laut dalam penulisan sejarah adalah kabur. Maka, penulis berpendapat bahawa, kedudukan mereka ini semasa pendudukan Jepun adalah tidak jelas. Penulisan ini dilakukan bagi memahami persoalan-persoalan tersebut dengan menggunakan sumber lisan dan pelbagai kajian lepas.

Kata Kunci : Kedudukan, Bajau Laut, Pendudukan Jepun di Sabah

Pengenalan

Bajau merupakan etnik kedua terbesar di Sabah selepas etnik Kadazan Dusun. Komuniti Bajau terbahagi kepada dua kumpulan iaitu Bajau Pantai Barat yang tinggal dan menetap di daerah seperti Kota Belud, Papar dan Tuaran manakala Bajau Pantai Timur pula mendiami daerah Semporna, Kunak, Lahad Datu dan Sandakan. Pembahagian etnik berlaku disebabkan wujudnya perbezaan yang jelas sama ada kawasan tempat tinggal, slanga bahasa, budaya dan juga adat walaupun ia ini kelihatan sama. Umumnya, etnik Bajau dapat dibezakan melalui kegiatan harian mereka iaitu sama ada bekerja sebagai penternak, petani, pesawah mahupun sebagai nelayan. Ciri kegiatan harian ini diperhatikan terhadap Bajau Pantai Barat yang

sangat terkenal sebagai ‘Koboi Sabah’ kerana kemahiran mereka dalam menunggang kuda. Manakala, Bajau Pantai Timur pula sangat terkenal sebagai petani, nelayan dan penyelam yang mahir sehingga mereka ini digelar *sea gypsies*, panglima dilaut, pelaut dan pelayar terulung disebabkan kehidupan mereka yang sangat rapat dengan laut. Etnik Bajau boleh dibahagikan kepada beberapa sub-etnik yang lain seperti Bajau Simunul, Bajau Ubian, Bajau Sibutu, Bajau Sikubung (Kubang), Bajau Benaran/Binadan, Bajau Yakan, Bajau Sibaud, Palauh (Bajau Laut) dan Bajau Asli. Kepelbagian sub-etnik ini wujud kerana perbezaan slanga bahasa walaupun mereka bertutur dalam bahasa yang sama.

Secara umunya, masyarakat Bajau laut merupakan komuniti yang tinggal dan mendiami kawasan Laut Sulu, Laut Celebes dan Laut Sulawesi (rujuk peta 1). Kawasan ini merupakan kawasan persempadanan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia. Disebabkan mereka ini hidup sebagai ‘*nomadic boat people*’ iaitu golongan yang menjadikan perahu sebagai tempat tinggal maka mereka ini sering bermigrasi antara kawasan-kawasan tersebut. Namun, tidak diketahui secara jelas bilakah mereka ini mula bermigrasi. Apa yang pasti, mereka ini telah wujud dan mendiami kawasan kepulauan antara sempadan Malaysia (Sabah) dan Filipina semasa era Kesultanan Sulu iaitu abad ke-18. Malah wujud juga sumber yang menyatakan bahawa mereka ini merupakan ‘orang laut’ yang memberi pertuanan kepada Kesultanan Sulu dan terlibat dalam perdagangan sumber laut secara *barter* (pertukaran) dalam keadaan tidak langsung. Maka dari itu, boleh dikatakan bahawa komuniti Bajau Laut yang ada pada hari ini, merupakan komuniti yang telah lama mendiami kepulauan antara sempadan Malaysia (Sabah) dan Filipina. Jelasnya, kawasan tersebut menjadi kawasan migrasi mereka untuk saling berulang-alik antara buah negara. Dari satu segi, mereka ini boleh dikatakan sebagai masyarakat orang asli disebabkan kewujudan mereka ini diketahui telah wujud sejak abad ke-18 lagi.



Peta 1.1 : Menunjukkan kedudukan Bajau Laut di tiga sempadan negara iaitu Malaysia (Sabah), selatan Filipina dan Indonesia.

(Sumber : Abrahamsson, E. dan Schagatay, E., dalam "A Living Based on Breath-Hold Diving in the Bajau Laut")

Komuniti Bajau Laut yang terdapat di Sabah pada hari ini adalah berasal dari keluarga besar Bajau di selatan kepulauan Filipina dan mula bermigrasi dan menetap di kawasan perairan pantai timur Sabah semasa era pemerintahan Kesultanan Sulu lagi, iaitu sekitar abad ke-18. Oleh kerana etnik Bajau mempunyai banyak sub-etnik maka istilah Bajau Laut (dalam konteks terkini) digunakan bagi membezakan etnik Bajau yang terdapat di daerah Semporna iaitu antara Bajau Darat dan Bajau Laut. Pengistilahan ini dilakukan bagi membezakan mereka yang menggunakan slanga bahasa yang berbeza. Seperti yang penulis katakan, mereka ini merupakan komuniti yang hidup sebagai *nomadic boat people* maka mereka menjadikan laut sebagai sumber utama kehidupan mereka kerana melalui Laut, mereka meneruskan kehidupan dengan menggunakan sumber dan mendapatkan hasil dari laut tersebut. Walaupun mereka tinggal dan hidup dalam perahu, namun wujud juga keadaan yang menyebabkan mereka ini terpaksa naik ke darat seperti membeli barang keperluan contohnya beras. Wujud juga teori yang menyatakan bahawa mereka ini akan merasa mabuk apabila tinggal dan hidup di darat. Banyak gelaran yang diberikan terhadap sub-etnik ini, contohnya *sea gypsies*, *sea people*, *sea nomads* disebabkan mereka amat mahir dalam selok belok ilmu kelautan. Disebabkan kehidupan mereka yang agak ‘unik’ ini banyak kajian telahpun dilakukan dalam pelbagai bidang ilmu.

Setakat ini, kajian dan penulisan berhubung sosial, ekonomi, sosiobudaya, seni bina dan warisan komuniti Bajau Laut ini masih lagi terbatas dan hanya dilakukan oleh beberapa orang sarjana seperti James Francis Warren (1981, 2000, 2002), Yap Beng Liang (1993), Clifford Sather (1997), David E. Sopher (1965), Halina Sendera (2007) dan lain lain lagi. Manakala bagi kajian yang menumpukan terhadap aspek sejarah bagi komuniti ini, masih lagi kurang diberi perhatian yang jitu. Walaupun para penyelidik memasukkan sedikit aspek sejarah dalam penulisan mereka, namun apa yang pasti aspek ini amat kurang didedahkan apatah lagi kajian yang melibatkan kedudukan mereka semasa zaman perang.

Maka dari itu, timbul persoalan kemanakah komuniti ini pergi semasa era perang iaitu zaman pendudukan Jepun. Dimana kedudukan mereka pada ketika itu, bagaimana layanan pihak Jepun terhadap mereka, apa yang mereka lakukan pada waktu tersebut. Perkara-perkara ini sebenarnya memerlukan penelitian yang khusus dan penting kerana bagi penulis, mereka ini merupakan sejarah yang terpinggir apatah lagi mereka juga terkena tempias kesan dari pendudukan Jepun pada ketika itu. Maka atas kesedaran itu, penulis cuba untuk menonjolkan komuniti ini, meskipun kertas kerja ini hanya membincangkan ia sebagai satu tinjauan awal.

Objektif Kajian

Kewujudan persoalan tersebut, maka objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti dan mengenalpasti kedudukan dan keberadaan masyarakat Bajau Laut semasa pendudukan Jepun di Sabah.

Metodologi Kajian

Metodologi merupakan rangka yang dilakukan bagi merancang dengan lebih teliti dan bersistematik dalam mendapatkan data dan pelbagai sumber yang relevan dengan kajian. Data dan pelbagai sumber lain yang dikumpul akan cuba dianalisis untuk dijadikan sebagai bukti nyata kepada persoalan pokok dalam kajian. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan pelbagai kaedah bagi mendapatkan data dan pelbagai sumber lain. Penggunaan sumber ini dilakukan bagi memenuhi disiplin dalam ilmu sejarah agar penulisan kajian ini menepati pendekatan pengumpulan sumber dalam kajian. Penggunaan sumber dalam kajian ini adalah dikukuhkan dengan pengumpulan sumber pertama dan disusuli dengan sumber kedua.

Sumber Pertama

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah kajian yang menurut penulis ia juga relevan dengan kajian pengkaji. Penggunaan sumber pertama ini meliputi analisis dan pengumpulan data dan pelbagai sumber-sumber pertama yang lain. Dalam mencari dan mendapatkan data dan sumber pertama, penulis menggunakan kaedah instrumen kajian iaitu alatan kajian bagi penyelidikan ini berdasarkan kaedah menganalisis dan pengumpulan terhadap data yang diperolehi. Dalam kajian ini, data dan pelbagai sumber yang lain diperoleh adalah dalam bentuk deskrif seperti nota kerja lapangan semasa pengkaji melakukan kajian lisan terhadap responden yang terlibat. Dalam masa yang sama, pengkaji juga membuat rakaman dalam bentuk pita suara bagi mendapatkan sumber lisan mereka dengan lebih jelas. Penggunaan alat pita suara adalah penting kerana ia mampu mengelakkan data dari tertinggal ataupun tercicir semasa sesi temubual berlangsung. Malah bukan itu sahaja, ia juga amat penting terhadap penulis kerana data-data yang diperoleh dapat disimpan dalam tempoh jangka panjang serta tidak akan hilang.

Bagi instrumen kajian ini, penulis menggunakan kaedah temubual dengan responden. Temubual ini dilakukan secara terus dengan responden yang memenuhi kelayakan. Kelayakan ini dilakukan bagi mengelakkan tokok tambah dalam penyampaian pengalaman mereka semasa zaman perang tersebut. Kelayakan ini meliputi umur dan keadaan kesihatan terkini (tidak nyanyuk). Dalam masa yang sama, penulis juga menyiapkan transkip kajian bagi temubual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap responden yang terlibat. Kaedah ini amat penting, memandangkan penulis sememangnya menggunakan 80% sumber temubual sebagai sumber utama bagi penulis untuk melakukan kajian ini. Penggunaan sumber pertama juga dilakukan dengan melakukan Kajian Perpustakaan iaitu dengan meneliti sumber-sumber bertulis sama ada dalam bentuk akhbar, rekod fail dan dokumen rasmi kerajaan. Penelitian ini

dilakukan di Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Negeri Sabah untuk mencari dan meninjau sumber yang boleh digunakan.

Sumber Kedua

Penggunaan sumber kedua pula melibatkan penelitian bahan-bahan kajian lepas oleh para penyelidik sebelum ini. Penelitian terhadap sumber yang berbentuk sekunder ini adalah penting dan perlu kerana ia melibatkan pengkajian dalam topik yang sama walaupun bidang ataupun aspek yang berbeza. Penelitian ini meliputi kertas kerja, jurnal, tesis, dan pelbagai lagi buku-buku ilmiah yang berkaitan. Kajian Perpustakan penting bagi membuat rujukan dan penelitian terhadap kajian-kajian lepas sebelum ini. Hal ini kerana, bagi mengelakkan pengulangan dan peniruan dalam penulisan. Kaedah kajian perpustakaan ini dilakukan oleh penulis bagi mendapatkan data melalui penelitian terhadap beberapa kajian lepas. Dalam kajian ini, penulis mengumpul data-data dengan merujuk kepada beberapa kajian tersebut yang diperoleh. Setelah itu, ia dianalisis dan dirumuskan dengan objektif kajian. Kaedah ini amat penting dalam membantu dan menyiapkan penyelidikan pengkaji kerana, topik ini agak kurang ditulis dan dikaji oleh para penyelidik sebelum ini. Kekurangan penulisan dalam disiplin sejarah terhadap masyarakat ini menyebabkan penelitian yang jitu perlu dilakukan dalam mengenalpasti kajian lepas yang sesuai

Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang pengkaji hadapi dalam melakukan kajian ini adalah masalah dari segi sumber. Penggunaan sumber pertama dan kedua merupakan aspek yang amat penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Tinjauan pengkaji terhadap dokumen dan rekod kerajaan dari zaman pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo British (SBBU) mahupun zaman pendudukan Jepun di Sabah 1942-1945, mendapati tidak terdapat dokumen rasmi mengenai masyarakat ini. Walaupun wujud sumber akhbar semasa zaman SBBU, namun ia bukanlah mampu untuk menjelaskan keadaan mereka ini semasa zaman tersebut. Ketiadaan sumber pertama menyukarkan penulis untuk membuat kajian terhadap rekod dan dokumen lama ini. Kekurangan yang timbul ini mewujudkan kesan kepada penulisan penulis sendiri apabila penggunaan sumber pertama dalam bentuk ini tidak ada. Ketiadaan sumber ini membawa penulis untuk melakukan temubual kepada para responden untuk mendapatkan sumber dari mereka berdasarkan pengalaman mereka sendiri iaitu sumber lisan. Kaedah yang menggunakan sumber lisan sememangnya merupakan salah satu dalam kaedah kajian, namun dalam masa yang sama ia juga menimbulkan masalah apabila ia mewujudkan pelbagai kebarangkalian. Kebarangkalian ini mungkin berlaku seperti wujudnya tokok tambah dalam penyampaian mereka semasa temubual. Malah kemungkinan juga responden tersebut lupa dan pelbagai lagi kemungkinan dalam proses ini. Dari satu segi, sumber lisan juga agak menyukarkan pengkaji kerana masalah Bahasa yang kurang difahami. Walaupun mereka bertutur dalam bahasa Bajau slanga Bajau Laut, namun bahasa mereka tetap mempunyai perbezaan yang jelas dengan bahasa Bajau yang biasa.

Tinjauan pengkaji terhadap beberapa kajian sebelum ini, mendapati kajian terhadap komuniti ini kurang dilakukan. Kajian yang lebih banyak dilakukan adalah dari segi ekonomi, sosial, antropologi, etnografi, seni bina dan budaya. Meskipun aspek sejarah ‘diselitkan’ dalam penulisan mereka, namun agak sedikit didedahkan. Ia sememangnya menimbulkan persoalan dalam kajian para penyelidik sebelum ini kerana mereka tidak membincangkannya secara khusus. Walaupun terdapat juga penyelidik yang membincangkan sejarah bagi masyarakat ini, namun fokus mereka bukanlah keadaan mereka semasa zaman perang melainkan hanya secara umum sahaja. Kekurangan kajian dalam aspek sejarah sememangnya mendatangkan kesukaran kepada pengkaji untuk memahami sejarah masyarakat ini.

Dalam kajian ini juga memerlukan pengkaji untuk memahami sosiobudaya mereka dari dulu sehingga kini, agar penulisan dalam disiplin sejarah ini tidak membataskan akan kedudukan mereka di kawasan Sabah sahaja. Perlu difahami, bahawa mereka ini merupakan ‘nomadic’ iaitu sentiasa bermigrasi diantara kepulauan dalam kawasan Laut Sulu, Laut Celebes sehingga ke Laut Sulawesi. Oleh itu, dalam konteks terkini akan wujud kedudukan mereka pada ketika itu yang bersifat merentas sempadan. Maka dari itu, penelitian terhadap sumber lisan mereka amat penting bagi mengenalpasti kedudukan dan keberadaan mereka semasa zaman pendudukan Jepun di Sabah 1942-1945.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian merupakan satu aspek yang perlu untuk diambil kira dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Hal ini kerana, ia melibatkan kegunaan dan sejauhmana ia mampu untuk memberikan suatu nafas baharu serta penonjolan terhadap penulisan sejarah. Dalam masa yang sama juga, kepentingan utama sesuatu kajian itu dilakukan adalah untuk memberikan suatu pendedahan serta pembuktian yang baharu terhadap kajian-kajian sebelum ini yang mempunyai kaitan dengannya. Oleh itu, kajian ini sememangnya diharapkan dapat memberi kepentingan kepada beberapa pihak seperti para penyelidik, mahasiswa/i dan pihak awam serta pengkaji sendiri.

Secara khususnya, kajian ini memberi kepentingan kepada pengkaji sendiri iaitu melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui setiap persoalan yang pengkaji wujudkan dalam kertas kerja ini. Semasa penyelidikan kajian ini sedang dilakukan, pengkaji dapat mengenalpasti setiap responden yang pengkaji temubual. Melalui kajian ini, ia memberi kepentingan kepada pengkaji untuk membuat kerja lapangan apabila pengkaji melakukan lawatan kepada setiap responden yang terlibat. Maka sesungguhnya, kajian ini memberi kepentingan khusus kepada pengkaji sendiri dengan membuat penyelidikan terhadap sesuatu topik yang jarang ditulis oleh para penyelidik sebelum ini. Dalam masa yang sama, ia memberikan kesedaran kepada pengkaji untuk menghargai kepentingan sejarah etnik.

Dalam masa yang sama ia juga memberi kepentingan terhadap mahasiswa/i yang lain. Hal ini kerana, kajian terhadap topik ini adalah sesuatu yang baharu kerana ia melibatkan penyelidikan dalam disiplin ilmu lain iaitu penelitian khusus dalam disiplin sejarah. Melalui kajian ini, ia dapat memberi kepentingan kepada mahasiswa/i untuk saling berfikir terhadap sisi sesuatu sejarah yang terpinggir. Diharapkan melalui kajian ini ia mampu menjadi perintis

kepada mahasiswa/i yang lain untuk membuat penyelidikan terhadap topik yang lain yang jarang ditulis oleh mana-mana penyelidik. Dari satu segi, kajian ini juga memberikan kepentingan kepada mahasiswa/i kerana kajian ini sebenarnya melibatkan kajian terhadap satu masyarakat yang kurang diketahui umum. Maka melalui kajian ini, ia dapat memberi suntikan agar penyelidikan terhadap masyarakat yang terpinggir mendapat tempat dalam kajian disiplin ilmu amnya dan disiplin sejarah khususnya.

Tidak dinafikan bahawa banyak kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik sehingga kertas kerja ini ditulis, namun apa yang pasti penyelidikan tersebut kurang mengendahkan kepentingan sejarah bagi masyarakat tersebut. Hanya sebilangan penyelidik yang memasukkan sejarah masyarakat tersebut dalam bahagian yang sedikit. Agak mengecewakan apabila nilai sejarah bagi sesebuah masyarakat tersebut seperti kurang dipertontonkan. Maka dari itu, kertas kerja ini diharapkan agar menjadi perintis kepada penyelidik terkemudian untuk membuat kajian mengenai sejarah mereka secara khusus. Walaupun kajian ini berbentuk tinjauan awal, namun diharapkan ia mampu untuk memaparkan sedikit sebanyak sejarah masyarakat tersebut semasa zaman perang. Dalam masa yang sama, kajian ini juga memberi kepentingan terhadap pihak awam, kerana ia mampu untuk mewujudkan satu lagi kajian terhadap masyarakat ini dalam disiplin ilmu yang lain. Ia memberikan pengetahuan, maklumat dan pendedahan yang baharu kepada mereka. Tambahan lagi, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran kepada mereka mengenai keadaan masyarakat Bajau Laut semasa perang khususnya zaman pendudukan Jepun.

Dapatan Kajian

Dapatan yang diperoleh dari penyelidikan ini, mewujudkan satu dapatan baharu terhadap sub-etnik Bajau Laut semasa pendudukan Jepun di Sabah dan kawasan yang lain. Seperti yang penulis telah jelaskan dalam bahagian pengenalan, masyarakat ini merupakan '*nomadic boat people*' yang duduk dan tinggal di laut serta sentiasa bermigrasi dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Maka, wujud penceritaan berdasarkan keadaan perang yang berlaku di kawasan lain seperti di Filipina. Ini kerana pada ketika itu, tidak wujud sempadan yang khusus seperti pada hari ini yang menyebabkan mereka gagal untuk bermigrasi bagi kedua-dua negara. Oleh itu dapatan ini akan menjelaskan persoalan tersebut dalam konteks keadaan perang semasa zaman pendudukan Jepun dengan tidak mengambil kira keadaan sempadan yang wujud pada hari ini.

Sehingga dapatan kajian ini ditulis tidak terdapat rekod, fail maupun dokumen rasmi yang boleh dijadikan sebagai sandaran utama terhadap kedudukan masyarakat ini pada zaman tersebut. Ini kerana mereka hidup secara '*nomadic*' iaitu sentiasa berpindah-randah bagi kawasan Laut Sulu khususnya dan Laut Sulawesi serta Laut Celebes amnya. Maka tidak wujud sebarang dokumen rasmi yang boleh mengidentifikasi mereka sebagai masyarakat yang wujud pada masa itu sama ada zaman ketika pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo British (SBBU) maupun zaman pendudukan Jepun di Sabah 1942-1945. Hanya sebilangan akhbar yang menjelaskan 'Bajau' dalam konteks masa itu. Maka dari itu, dapatan kajian ini

menggunakan sumber lisan bagi masyarakat ini secara keseluruhannya dengan dibantu oleh sumber sekunder.

Seperi yang telah penulis nyatakan bahawa masyarakat Bajau Laut yang ada di Sabah pada hari ini adalah berasal dari kepulauan di selatan Filipina. Walaupun migrasi mereka telah lama berlaku semasa abad ke-18 lagi, namun tidak dapat dipastikan petempatan tetap bagi sub-etnik ini disebabkan sosiobudaya mereka yang bersifat *nomadic* antara perairan Sabah dan Filipina. Temubual pengkaji dengan responden yang bernama Musakbirah dan disokong oleh responden lain iaitu Tillak, Altanyoo, Jaapar, Mukadawih, Taurani, Maurahani, Magsagirah, dan generasi kedua iaitu Omapoi dan Juksin menceritakan bahawa semasa pendudukan Jepun, mereka berada di Filipina pada ketika itu. Mereka tinggal di kawasan pesisir pantai bagi Pulau Sitangkai Tawi-Tawi, Pulau Bongau, Pulau Sibutu, Balimbing, dan Sipangkut selain Pulau Siasi.

Kawasan pulau ini sememangnya amat hampir dengan kawasan gugusan kepulauan Sabah khususnya di Semporna. Maka migrasi diantara kepulauan ini adalah tidak mustahil bagi mereka kerana penulis percaya Bajau Laut sememangnya amat mahir dengan ilmu kelautan selain kawasan tersebut merupakan kawasan yang boleh dikatakan sebagai kawasan laluan mereka untuk berulang-alik. Pendudukan Jepun di Filipina sememangnya juga memberi kesan kepada mereka walaupun tidak secara mendalam ini kerana, perang yang berlaku antara tentera Jepun dan tentera Amerika meninggalkan kesan perang yang mendalam dalam diri mereka. Mereka juga menjelaskan bahawa mereka berusaha untuk tidak melibatkan diri dengan mana-mana pihak. Responden ini juga menambah bahawa tentera Jepun memberi layanan yang baik kepada mereka. Tentera yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah tentera bawahan yang membuat kawalan di pesisir pantai di Filipina. Layanan yang mereka maksudkan ialah seperti memberi mereka pakaian dan makanan walaupun mereka pada ketika itu, hanya tinggal dan duduk dalam perahu yang kecil. Mereka juga menyatakan bahawa masalah komunikasi dengan tentera Jepun menyebabkan tentera Jepun akan bertindak memukul mereka secara kasar.

Atas keadaan tersebut dan perang yang berlanjutan, mereka mula bermigrasi dan berusaha untuk keluar dari kawasan tersebut. Responden ini menceritakan bahawa migrasi mereka berlaku setahun sebelum kekalahan Jepun kepada tentera Amerika dan ada juga responden yang menyatakan bahawa mereka mula migrasi lima bulan sebelum peristiwa kekalahan tersebut. Menurut penulis, pendapat ini mungkin ada benarnya kerana mereka ini berpindah-randah secara berkelompok dan bukannya bergerak dalam satu komuniti. Jadi mungkin ada dari kalangan mereka yang datang lebih awal ke kawasan baharu, iaitu berkemungkinan pulau-pulau kecil di perairan Semporna yang didiami oleh masyarakat Bajau Laut seperti pada hari ini.

Semasa pendudukan Jepun di Sabah, responden pengkaji iaitu bernama Magsagirah dan disokong oleh responden lain seperti Maurahani, Musakbirah, Tillak, dan generasi kedua iaitu Omapoi menceritakan bahawa semasa pendudukan Jepun, mereka telah tinggal dan duduk di Umaral (Pulau Omadal?) dalam jumlah yang ramai (dalam lingkungan 100-200 orang). Manakala bagi responden Altanyoo, Jaapar, Mukadawih dan Taurani disokong oleh

generasi kedua iaitu Juksin menceritakan bahawa mereka menetap di Bun-Bun (Pulau Bum-Bum?) Malah mereka juga menambah bahawa, pada ketika itu Bun-Bun (Pulau Bum-Bum?) serta tanah besar Simporna (Semporna) belum lagi berpenghuni. Mereka menjelaskan bahawa, migrasi yang mereka lakukan itu tujuannya adalah untuk mencari pulau sahaja untuk mereka duduki selain berusaha untuk mencari penghidupan baharu yang jauh dari perang.

Kedudukan pulau itu terkini tidak dapat dijelaskan, namun apa yang pasti Bun-Bun dan Umaral yang dimaksudkan oleh responden ini mungkin sahaja Pulau Omadal dan Pulau Bum-Bum terkini yang sebenarnya telah lama didiami oleh masyarakat sub-etnik Bajau yang lain yang mungkin tiba lebih awal berbanding sub-etnik Bajau Laut. Penceritaan ini menurut penulis ada benarnya kerana hasil temubual pengkaji dengan bekas Imam besar di Pulau Omadal iaitu En. Abdul Jumaat menyatakan bahawa petempatan Bajau Laut yang ada pada hari ini, telah wujud sebelum kekalahan Jepun. Ini bermakna, responden pengkaji boleh dikatakan sebagai generasi pertama yang datang ke pulau tersebut iaitu Omadal. Namun, bagi Pulau Bum-Bum tidak dapat dipastikan sama ada responden seperti Altanyo, Jaapar dan Mukadawih adalah individu yang sampai terlebih dahulu ke Pulau Bum-Bum ataupun tidak. Hal ini memerlukan kajian yang lebih lanjut lagi.

Tambahan pula, Pulau Omadal juga telah menjadi salah satu kawasan awal bagi petempatan etnik Bajau Pantai Timur semasa zaman SBBU lagi. Ini bermakna telah wujud petempatan bagi etnik Bajau di kawasan tersebut jauh sebelum ketibaan Jepun. Pun begitu, tidak dapat dipastikan secara dokumen rasmi bahawa Pulau Omadal telah mula diduduki oleh sub-etnik Bajau Laut melainkan sub-etnik Bajau yang lain yang dibuktikan melalui warisan budaya mereka yang didedahkan dalam tulisan Yap Beng Liang, (1993) dan juga latihan ilmiah yang ditulis oleh Mohd Said Tarah, (2005). Hal ini kerana, Bajau Laut merupakan *nomadic* yang sentiasa berpindah-randah dan tidak duduk secara kekal di satu kawasan melainkan dalam konteks terkini mereka mulai menetap. Perubahan ini mungkin juga adalah kesan dari persempadanan negara yang wujud pada hari ini. Maka melalui pengkajian ini, kedudukan dan keberadaan masyarakat Bajau Laut dapat diketahui, walaupun penelitian ini adalah bersifat tinjauan awal.

Rumusan

Kajian ini meskipun berjaya dihasilkan namun, ia tidak lari dari kekurangan. Ini kerana kajian ini hanyalah bersifat tinjauan awal yang sebenarnya memerlukan lagi penelitian yang khusus dan jitu dari para penyelidik yang lain. Disebabkan itu, ia meninggalkan lagi pelbagai persoalan yang pada hemat penulis belum dapat dijawab sebaiknya. Pelbagai persoalan timbul seperti persoalan masa yang pastinya amat sukar untuk ditentukan dalam menentukan kedudukan dan keberadaan masyarakat ini semasa zaman pendudukan Jepun. Namun begitu, apa yang pasti kajian ini pastinya boleh menjadi penambah dalam penulisan sejarah bagi sub-etnik ini. Diharapkan tajuk dan topik ini bukanlah pengakhirnya disini. Harapan penulis masa akan datang lebih banyak lagi kajian berkewaan sejarah bagi sub-etnik ini.

Rujukan

Temubual

Abdul Jumaat Bin Marali, berumur 84, Pulau Omadal, 16.07.2017, 04.04 petang.

Altanyoo, berumur 86, Kampung Terusan Lama, Pulau Bum-Bum, 13.07.2017, 01.35 petang.

Jaapar, berumur 82, Pulau Bum-Bum, 14.07.2017, 04.35 petang.

Juksin, berumur 71, Kampung Terusan Lama, Pulau Bum-Bum, 13.07.2017, 04.35 petang.

Magsagirah, berumur 91, Pulau Omadal, 17.07.2017, 04.35 petang.

Mukadawih, berumur 105, Kampung Tundun, Pulau Bum-Bum, 15.07.2017, 08.35 malam.

Musakbira, berumur 101, Pulau Omadal, 16.07.2017, 01.13 petang.

Maurahani, berumur 103, Pulau Omadal, 16.07.2017, 11.38 pagi.

Omapoi, berumur 68, Pulau Omadal, 17.07.2017, 03.14 petang.

Taurani, berumur 102, Kampung Tundun, Pulau Bum-Bum, 13.07.2017, 04.35 petang.

Tillak, berumur 89, Pulau Omadal, 16.07.2017, 17.07.2017, 11.39 pagi.

Bahan Arkib

Borneo Magazine, ANS/PS/BTN/T/T/23, *Gypsies Of The Sea*, hlm 32-45.

New Sabah Times, 19 Mei 1999, *Orang Pala'uh – The Last of The Malay Sea Gypsies*.

The British North Borneo Herald, Sandakan, 1 Mac 1928, *The Bajau In 1645*, hlm 43-44.

The British North Borneo Herald, Sandakan, 1 Ogos 1887, *A Visit To Simporna, Sulu, Tawi-Tawi and Silam*, hlm 186-188.

The British North Borneo Herald, Sandakan, 29 Ogos 1908, *Bajau From Tawi-Tawi*, hlm 163.

Buku

Halina Sendera Mohd. Yakin, 2007, *Identiti Budaya Etnik Pala'u di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya*. Occasional Paper No. 7, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Md.Saffie Abd Rahim, Sabihah Osman, Ramzah Dambul, 2012, *Bajau Pantai Timur*, Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia.

- generasi kedua iaitu Juksin menceritakan bahawa mereka menetap di Bun-Bun (Pulau Bun-Bun).
Sather, C., 1997, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yap Beng Liang, 1993, *Orang Bajau Pulau Omadal: Satu Kajian tentang Sistem Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sopher, D.E., 1965, *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*, Singapore: National Museum Singapore.

Jurnal

Abrahamsson, E. dan Schagatay, E., "A Living Based on Breath-Hold Diving in the Bajau Laut", *HUMAN EVOLUTION*, Vol. 29 n. 1-3 (171-183) – 2014.

Ismail Ali, "Bogoo: Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut Di Sabah, Malaysia", *KAJIAN MALAYSIA*, Jilid. XXV, No. 1, Jun 2007.

Yunus Saurnan Sabin, "Masyarakat Bajau dan Dusun di Sabah Sebelum Tahun 1900", *MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH*, Persatuan Sejarah Malaysia, 2000.

Latihan ilmiah yang tidak diterbitan

Jainuddin Malik, 1992, *Sejarah Orang-Orang Bajau : Abad Ke-19*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Mohd Said Tarah, 2005, *Sejarah Orang Bajau Omadal : Migrasi Dan Petempatan Di daerah Semporna Sabah Sehingga Tahun 1963*, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Kemunculan Gerakan Islam di Malaya sebelum Merdeka

Ishak Saat*

Ahmad Zainuddin Husin**

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tel : 019-4782294 / 05-4505165 / fax : 05-4598606

Email: ishakhj@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Kedatangan Islam di Malaya diusahakan oleh para dai yang terdiri dari pelbagai bangsa seperti Arab, Cina dan juga India. Mereka berdakwah dan menyebarkan Islam di Alam Melayu. Namun setelah orang Melayu menerima Islam, kebangkitan Islam terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana pegangan orang Melayu terhadap Islam amat longgar. Maka berlaku konflik dalam kalangan orang Melayu. Abad 20 pula memperlihatkan kemunculan gerakan Islam dalam kalangan orang Melayu. situasi ini mewujudkan dua golongan dalam sejarah orang Melayu yang berkonflik secara terang-terangan iaitu Kaum Muda dan Kaum Tua. Walaupun dewasa ini pengolongan orang Melayu dalam kategori ini sudah tidak lagi berlaku tetapi fahaman Islam sebagai agama ritual semakin menebal dalam kalangan sesetengah orang Melayu. Golongan ini berkonflik dengan segolongan orang Melayu yang ingin menegakkan Islam sebagai agama yang memerintah dan bukan sebagai agama yang diperintah. Mereka ini percaya Islam merupakan satu cara hidup yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Bagi menguatkan hujah dalam artikel ini maka dirujuk sumber sejarah seperti Fail dan dokumen British serta kajian terdahulu. Justeru itu, artikel ini cuba menyingkap sejarah kebangkitan gerakan Islam di Malaya dan juga cuba menjawab persoalan kenapakah orang Melayu sering dilihat berlainan fahaman terhadap Islam.

Kata kunci : Ritual, Kaum Muda, Kaum Tua, Hizbul Muslimin dan Burhanuddin Al Helmy.

Mukadimah

Alam Melayu telah melalui proses Islamisasi yang membawa pelbagai aspek dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Proses ini dapat mematangkan pemikiran orang Melayu. Bermula dengan kepercayaan paganisme, animesme, hinduisme dan seterusnya menerima Islam. Namun kebanyakannya aspek keagamaan bersifat selapis kerana bukan berasaskan ilmu dalam agama Islam tetapi lebih kepada aspek budaya. Lantaran itu, masyarakat Melayu dewasa ini masih dilihat mengamalkan amalan-amalan yang pernah dianut seperti amalan bomoh, majlis perkahwinan berunsur amalan agama Hindu, majlis tepong tawar, mengamalkan Islam secara ritual semata-mata, (Mahayudin Yahaya.2001:193-194) dan juga

* Ishak Saat merupakan Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

** Ahmad Zainuddin Husin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.